



TEKS UCAPAN

**YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI KERJA RAYA**

SEMPENA

**MAJLIS PENYERAHAN SURAT SETUJU TERIMA (SST)
BAGI PROGRAM PANTAU MADANI: PELAKSANAAN
INISIATIF PEMASANGAN LAMPU JALAN LED BERKUASA
SOLAR DI LOKASI BERISIKO TERJADI KEMALANGAN DI
LEBUH RAYA**

**SELAS|23 JUN 2026|1.00 TENGAHARI
MENARA KERJA RAYA,
IBU PEJABAT JKR**

<<< Salutasi akan diberikan oleh Urusetia pada hari berkenaan>>>

Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI dan Salam Segulai Sejalai.

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih atas jemputan untuk menyempurnakan Majlis Penyerahan Surat Setuju Terima (SST) kepada kontraktor bagi pelaksanaan Program Pantau MADANI 2026, yang melibatkan pemasangan lampu jalan LED berkuasa solar di lokasi-lokasi berisiko kemalangan di lebuh raya seluruh negara.
2. Program ini bukan sekadar pelaksanaan sebuah projek infrastruktur, malah merupakan manifestasi komitmen Kerajaan MADANI dalam memperkukuh keselamatan pengguna jalan raya, melindungi nyawa rakyat serta memastikan kemudahan awam yang disediakan terus memenuhi keperluan semasa melalui penggunaan teknologi yang cekap, lestari dan berimpak tinggi.

3. Keselamatan pengguna lebuhraya merupakan keutamaan nasional yang sentiasa diberikan perhatian oleh Kerajaan dalam usaha memastikan infrastruktur pengangkutan negara berada pada tahap yang selamat, cekap dan mampan.

4. Selaras dengan aspirasi Kerajaan MADANI untuk memperkukuh kesejahteraan rakyat dan mengurangkan risiko kemalangan jalan raya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa pembentangan Belanjawan Malaysia 2026 pada 10 Oktober 2025 telah mengumumkan beberapa inisiatif berimpak tinggi bagi meningkatkan tahap keselamatan jalan raya, sekali gus melindungi nyawa serta harta benda pengguna di seluruh negara.

5. Salah satu inisiatif utama yang diumumkan di bawah Belanjawan Malaysia 2026 ialah Projek Pemasangan Lampu Jalan Tambahan di Lebuhraya Seluruh Malaysia. Bagi menjayakan inisiatif ini, Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) telah diamanahkan untuk memasang 3,000 unit lampu jalan LED berkuasa solar di lokasi-lokasi titik hitam (blackspot) dan kawasan berisiko tinggi kemalangan di lebuhraya bertol seluruh negara.

Hadirin yang saya hormati,

6. Bagi merealisasikan inisiatif ini, Kementerian Kerja Raya (KKR), Kementerian Kewangan (MOF) dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) telah berganding bahu dalam memastikan pelaksanaannya pada tahun 2026. Sejumlah RM30 juta telah diperuntukkan bagi pemasangan lampu jalan LED berkuasa solar di lokasi-lokasi yang dikenal pasti, dengan pembiayaan sepenuhnya melalui peruntukan dalaman LLM. Langkah ini mencerminkan komitmen teguh Kerajaan dalam memperkukuh keselamatan lebuhraya, sekali gus melindungi nyawa pengguna dan meningkatkan kesejahteraan rakyat.

7. Kerja-kerja pemasangan ini dijadualkan mengambil masa lima bulan bermula **30 Jun 2026** sejeurus selepas Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan kepada kontraktor yang berjaya, dan dijangka siap sepenuhnya pada **30 November 2026**. Bagi tujuan tersebut, empat pakej projek akan ditawarkan **melalui proses tender terbuka yang dilaksanakan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)**.

8. Secara keseluruhan, sebanyak 32 lokasi strategik di seluruh negara telah dikenal pasti bagi pelaksanaan pemasangan 3,000 unit lampu jalan LED berkuasa solar.

Hadirin yang dihormati,

9. Pelaksanaan projek ini dijangka membawa manfaat yang besar kepada pengguna lebuhraya, khususnya melalui peningkatan tahap pencahayaan dan kebolehlihatan pemandu di lokasi-lokasi berisiko tinggi. Pada masa yang sama, ia merupakan langkah mitigasi yang proaktif bagi mengurangkan risiko kemalangan serta mewujudkan persekitaran perjalanan yang lebih selamat, selesa dan meyakinkan kepada pengguna.

10. Selain meningkatkan keselamatan jalan raya, inisiatif ini turut mencerminkan komitmen Kerajaan dalam memperluas penggunaan teknologi hijau dan memperkukuh pembangunan infrastruktur yang mampan selaras dengan aspirasi negara ke arah pertumbuhan yang lebih lestari.

11. Saya berharap kontraktor yang dilantik akan melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan dengan penuh komitmen, profesionalisme dan integriti agar projek ini dapat disiapkan mengikut spesifikasi, kualiti serta tempoh yang telah ditetapkan.

12. Akhir kata, saya berharap Program Pantau MADANI akan terus menjadi pemangkin kepada usaha memperkukuh keselamatan infrastruktur lebuhraya negara demi kesejahteraan rakyat. Semoga setiap inisiatif yang dilaksanakan dapat memberikan manfaat yang berkekalan, sekali gus memastikan perjalanan yang lebih selamat, selesa dan terjamin kepada seluruh pengguna lebuhraya.

Sekian, terima kasih.